



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

15 JULAI 2019

KENYATAAN MEDIA

PENCEMARAN SUNGAI KAYU ARA, PETALING JAYA

- Pada 13 Julai 2019 (Sabtu) yang lalu, Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) telah menerima aduan berlakunya pencemaran dan beratus-ratus ekor ikan ditemui mati di Sg. Kayu Ara berhampiran Kg. Cempaka, Petaling Jaya.
- Jabatan Alam Sekitar (JAS) memaklumkan punca pencemaran berkemungkinan daripada air sisa kumbahan Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK) berikutan bacaan Ammoniakal Nitrogen (AN) yang tinggi hasil daripada pensampelan. Dianggarkan terdapat 6 buah loji IWK disepanjang Sg. Kayu Ara bermula dari hulu sungai sehingga hilir yang terletak berhampiran sungai.
- LUAS telah menjalankan siasatan dan mengambil pensampelan bermula dari hulu sehingga hilir mengikut aliran air sungai mengalir. Melalui pemantauan udara (dron) mendapati keadaan sungai di titik hulu tiada bangkai ikan ditemui. Walaubagaimanapun, bangkai ikan ditemui mengalir bermula dari hulu sehingga ke hilir sungai.
- Berdasarkan keputusan pensampelan LUAS secara In-Situ mendapati, bacaan AN di hulu adalah tinggi di sekitar kawasan Taman Mayang yang berkemungkinan daripada effluen loji rawatan kumbahan. Manakala, bacaan di hilir sungai adalah rendah di sekitar kawasan depoh LRT. Ia berkemungkinan adalah kerana faktor pencairan (dilution factor). Maka, kawasan berdekatan hulu sungai boleh menjadi salah satu potensi punca utama berlakunya ikan mati atau sebaliknya.

Berdasarkan kualiti air sungai yang dijalankan secara In-Situ pada 14 Julai 2019, kualiti air sungai adalah berada pada keadaan normal bagi kebanyakan parameter kecuali Ammoniakal Nitrogen (AN) yang mencatatkan bacaan yang tinggi sehingga 5.4 mg/l. Parameter yang biasa dikaitkan dengan fenomena ikan mati adalah Oksigen Terlarut (Dissolved Oxygen, DO) dan suhu juga



LEMBAGA URUS AIR SELANGOR

berada pada keadaan yang baik. Pensampelan juga telah dihantar kepada Jabatan Kimia bagi tujuan saringan parameter logam dan logam berat.

- Kerja-kerja pembersihan sisa ikan telah bermula dari 14 Julai 2019 (Ahad) oleh kontraktor dan akan bersambung pada hari ini.
- Walaubagaimanapun, tindakan perundangan oleh JAS berdasarkan Kuasa penguatkuasaan undang-undang melalui Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan) 2009 yang merupakan perundangan subsidiari di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 jika melibatkan punca dari effluen loji rawatan kumbahan dan mana-mana orang yang melanggar peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya dan denda selanjutnya tidak melebihi satu ribu ringgit sehari bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.
- Sehubungan itu, LUAS akan menjalankan pemantauan berkala di lokasi tersebut bagi melihat tren kualiti air Sungai Kayu Ara dari masa ke semasa.

Disediakan oleh:

LEMBAGA URUS AIR SELANGOR